

IMURAN 50MG TABLET

Azathioprine (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Imuran Tablet
2. Bagaimana Imuran Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Imuran Tablet
4. Cara menggunakan Imuran Tablet
5. Semasa menggunakan Imuran Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Imuran Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Imuran Tablet

Imuran Tablet digunakan untuk mencegah penolakan organ pemindahan seperti buah pinggang, hati atau jantung.

Imuran Tablet juga boleh digunakan untuk merawat penyakit-penyakit lain yang dipanggil penyakit autoimun di mana sistem imun anda bertindak balas terhadap badan anda sendiri. Ini termasuklah:

- Artritis reumatoid yang teruk
- Sistemik Lupus Eritematosus
- Hepatitis kronik aktif autoimun
- Sesetengah penyakit autoimun kulit, otot dan darah

Imuran Tablet biasanya diambil dalam kombinasi dengan ubat lain seperti kortikosteroid atau ubat imunosupresi yang lain.

Bagaimana Imuran Tablet berfungsi

Imuran Tablet mengandungi azathioprine sebagai bahan aktif. Azathioprine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai imunosupresan. Ia bertindak dengan mengurangkan aktiviti sistem imun badan anda.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab Imuran Tablet dipreskripsikan kepada anda. Doktor anda mungkin mempreskripsikan Imuran Tablet untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Imuran Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- Azathioprine
- 6-mercaptopurine
- Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan mengambil Imuran Tablet jika anda bercadang untuk hamil, menyusukan bayi, atau menjadi bapa melainkan jika anda dan doktor anda telah membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula menggunakan Imuran Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang keadaan seperti yang berikut:

- penyakit hati atau buah pinggang
- anda baru-baru ini telah mengambil atau brecadang untuk mengambil vaksin
- satu keadaan di mana badan anda menghasilkan terlalu sedikit bahan kimia semulajadi yang dipanggil *thiopurine methyltransferase* (TPMT)
- Sindrom Lesch-Nyhan
- Cacar air atau kayap
- Hepatitis B

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Imuran Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Imuran Tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- vaksinasi dengan vaksin organisme ‘hidup’

- Ribavirin (digunakan untuk merawat hepatitis C bersama ubat lain)
- Allopurinol, oxipurinol atau thiopurinol (digunakan terutamanya untuk merawat gout)
- Aminosalicylate contohnya mesalazine, olsalazine atau sulphasalazine (digunakan terutamanya untuk merawat kolitis ulser)
- Methotrexate (digunakan untuk merawat kanser)
- Warfarin (digunakan untuk mencair darah)

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Imuran Tablet atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil sebarang ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Imuran Tablet.

Cara menggunakan Imuran Tablet

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekirannya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa ambil Imuran Tablet seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan menentukan dos dan berapa lama anda akan mengambil Imuran Tablet. Ini bergantung kepada faktor-faktor seperti berat badan anda dan tindak balas anda terhadap rawatan. Doktor anda mungkin akan menukar dos dan kekerapan ubat jika keadaan anda berubah.

Doktor anda mungkin akan menganjurkan anda menjalani ujian darah dengan kerap semasa mengambil Imuran Tablet untuk memantau bilangan sel darah dan menukar dos anda jika perlu.

- Bila perlu digunakan

Ambil Imuran Tablet sekurang-kurangnya 1 jam sebelum atau 3 jam selepas makan atau minum susu.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Imuran Tablet secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa

yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Imuran Tablet, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Imuran Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Imuran Tablet.

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil, menyusukan anak atau bercadang untuk menjadi bapa.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mendapati tahi lalat baru, perubahan dalam tahi lalat yang sedia ada, sebarang ketulan pada badan anda atau anda rasa tidak sihat. Terdapat risiko yang tinggi untuk mendapat jangkitan atau tumor, termasuk kanser kulit, semasa mengambil ubat ini.

Lindungi diri anda daripada matahari semasa anda mengambil ubat ini.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru,

beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Imuran Tablet.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan dotor anda.

Jangan mengambil Imuran Tablet untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diaruh oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Imuran Tablet mempengaruhi anda.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan risau dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Berikut merupakan kesan sampingan yang dilaporkan dengan penggunaan Imuran Tablet:

- Pertumbuhan tisu yang luar biasa, termasuk sista-sista dan polip, yang mungkin benign (bukan kanser) atau

malignan (kanser) seperti kanser kulit dan leukemia

- Bilangan sel darah berkurangan akibat penindasan sumsum tulang
- Reaksi hipersensitif seperti ruam kulit, gatal-gatal dan kesukaran bernafas, berdehit atau batuk, reaksi kulit seperti inflamasi, pengelupusan kulit dalam *Steven Johnson Syndrom* dan *Epidermal Epidermal Necrolysis*

- Cholestasis (aliran hempedu dari hati berhenti atau lambat) dan ujian fungsi hati semakin teruk
- Jangkitan virus, kulat dan bakteria
- Rambut gugur
- Rasa loya
- Cirit-birit
- Sakit perut dengan demam dan muntah-muntah

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Imuran Tablet

- **Penyimpanan**

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Imuran Tablet atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- **Pelupusan**

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Imuran Tablet atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**

Pil berwarna kuning, berbentuk bulat, cembung, bersalut, bergores, bertanda GX CH1.

- **Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

- Azathioprine

Bahan tidak aktif:

- PEG 400
- Kanji
- Magnesium stearate
- Tepung jagung
- Laktosa
- Asid stearik
- Hypromellose
- Air

- **Nombor MAL**

MAL04103439ACZ

Pengilang

Excella GmbH, Nurnberger
Strasse 12, D- 90537 Feucht,
Germany.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Aspen Medical Products
Malaysia Sdn Bhd
(1004761-W)
Unit 1302A, Level 13A,
Uptown 1, 1 Jalan SS21/58,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

21/09/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)240815/00279